

D5 Masalah Masa 2

1. Tempoh bagi sebuah rancangan televisyen ialah $2\frac{1}{4}$ jam termasuk iklan selama 20 minit. Hitung tempoh, dalam jam dan minit, bagi rancangan televisyen sahaja.

_____ jam _____ minit

2. Jadual menunjukkan usia tiga buah bangunan bersejarah di Sabah pada tahun 2020.

Bangunan bersejarah	Usia pada 2020
Menara Jam Atkinson	1.15 abad
Tugu Peringatan Perang Kundasang	58 tahun
Masjid Jamek Sandakan	$1\frac{3}{10}$ abad

- (a) Hitung beza usia, dalam tahun, antara Menara Jam Atkinson dengan Tugu Peringatan Perang Kundasang.

_____ tahun

- (b) Hitung jumlah usia, dalam abad dan tahun, Masjid Jamek Sandakan dan Tugu Peringatan Perang Kundasang.

_____ abad _____ tahun

3. Satu lawatan sambal belajar ke Melaka telah bermula pada hari Khamis, pukul 9:00 pagi hingga hari Sabtu, pukul 3:00 petang dalam minggu yang sama. Hitung tempoh, dalam hari dan jam, bagi lawatan itu.

_____ hari _____ jam

4. Jadual menunjukkan dua tarikh bagi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1

Mula	Tamat
2020	2020
18 Mac	31 Mac

Kalendar di atas menunjukkan tarikh berkuat kuasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1 di Malaysia untuk memutuskan rantaian penularan wabak COVID-19. Berapakah tempoh, dalam hari, PKP Fasa 1 itu?

_____ hari

5. Ali dan Siti masing-masing berumur 8.5 tahun dan 19 tahun pada tahun 2021.

- (a) Berapakah lebihnya usia Siti daripada Ali, dalam tahun dan bulan?

_____ tahun _____ bulan

- (b) Pada tahun berapa usia Siti ialah 2 kali usia Ali?

6. Umur Ali sekarang ialah 36 tahun. dalam masa 4 tahun lagi, umur Ali adalah 2 kali umur anaknya, Kamal. Berapa umur Kamal sekarang?

_____ tahun